

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN SANIZVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI**  
**[JELUTONG]**  
**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 37**

**Y.B. TUAN SANIZVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [ JELUTONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan susulan yang telah diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri terhadap Najib Tun Razak berkenaan jumlah cukai RM1.5 bilion yang terhutang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, yang belum dibayar lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah memulakan tindakan mahkamah untuk menuntut jumlah cukai yang telah dibangkitkan terhadap Najib Tun Razak kerana kegagalan beliau membuat bayaran dalam tempoh yang telah ditetapkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.